

31 JAN 2004

DR MAHATHIR SERAH LEMBU KORBAN

JITRA, 31 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan enam ekor lembu korban untuk diagihkan kepada orang miskin di sini dan Pendang.

Beliau yang merupakan Anggota Parlimen Kubang Pasu menyerahkan lembu-lembu korban itu kepada wakil penduduk masing-masing di tiga tempat yang berasingan.

Penyerahan pertama dilakukan di perkarangan Masjid Kampung Tanjong di Tunjang dekat sini.

Dr Mahathir kemudiannya menyerahkan dua ekor lembu korban di Kampung Belakang Taman Bahagia di sini, masing-masing seekor kepada wakil penduduk kampung itu dan Kampung Bendang Dalam.

Di Titi Gajah, dekat sini, Dr Mahathir kemudiannya menyerahkan tiga ekor lembu, dua untuk Mukim Titi Gajah dan seekor untuk Kampung Asam Jawa, Pendang. Turut hadir dalam majlis penyerahan itu ialah isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA
MNH AZH